



KPDNHEP Sabah merampas minyak masak pekret 1 kilogram yang disimpan di atas kapal dalam serbuan di Sungai Kolapis, Beluran.

# Hasil intip 3 minggu

Oleh Juvan Riduan  
am@hmetro.com.my

## Kota Kinabalu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah berjaya mematahkan kegiatan penyelewengan barang kawalan dalam serbuan di Sungai Kolapis, Beluran, kelmarin.

Operasi jam 3.30 petang yang dibantu Batalion 20 Pasukan Gerakan Am (PGA) Beluran itu merampas minyak masak dan minyak diesel bersubsidi yang dianggarkan bernilai RM1,904,975.

Pengarah KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata, hasil serbuan, pasukan operasi menemukan 9,690 kilogram minyak masak pekret satu kilogram di atas kapal yang ditahan.

Selain itu, katanya, pihaknya turut menemui 5,000 liter diesel disimpan di dalam *skid tank* di kawasan berhampiran.

"Serbuan kali ini hasil risikan selama tiga minggu yang dijalankan KPDNHEP Sabah bagi mengenalpasti

## KPDNHEP Sabah rampas minyak masak, diesel bersubsidi bernilai RM1,904,975



*Semua barang kawalan itu dipercayai cuba dijual ke negara jiran dan seorang lelaki tempatan turut ditahan*

**Georgie Abas**

kegiatan berkenaan.

"Semua barang kawalan itu dipercayai cuba dijual ke negara jiran dan seorang lelaki tempatan turut ditahan untuk membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan, semalam.

Georgie berkata, penjaga kapal terbabit gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran dan lesen yang sah untuk menyimpan barang kawalan di lokasi berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan tujuan melakukan kesalahan dan dibaca ber-

sama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana menjalankan urusan niaga barang kawalan tanpa lesen.

"Siasatan juga akan dilakukan mengikut Seksyen 20(1) akta sama kerana menyimpan barang kawalan di tempat yang tidak mendapat kebenaran pengawal.

"Siasatan lanjut juga akan dijalankan bagi mengenal pasti rangkaian kegiatan ini," katanya.

Sementara itu, Georgie berkata, mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), mana-mana individu yang disabit dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, bagi syarikat pula, jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta.

"Kementerian juga akan mengambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen pengusaha stesen minyak yang terlibat sehingga siasatan selesai dijalankan.

"KPDNHEP komited melaksanakan tindakan mengawal selia bekalan dan harga barang kawalan dan keperluan asas seperti ayam telur dan minyak masak di setiap peringkat rangkaian melalui pemeriksaan OPS ATM (Ayam, Telur dan Minyak Masak).

"Pelaksanaan OPS ATM ini mula dilaksanakan 23 Jun dan secara berfasa dan ia bertujuan membanteras aktiviti menyorok barang kawalan serta memastikan keberadaan bekalan terutama barang makanan negara sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi pada harga berpatutan," katanya.

Menurutnya, berdasarkan statistik pemeriksaan OPS ATM, sebanyak 1,162 premis diperiksa di seluruh Sabah.